

Sudut Sukan UMS saintifik, teori dan praktikal

Limitasi pembangunan pengadil baru

PENGALAMAN Sebagai pengadil ragbi antarabangsa selama 15 tahun yang dimiliki oleh pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah (UMS) Mohd Nizam Nazarudin sedikit-sebanyak boleh dikongsi bagi mengupas isu berkaitan dengan pembangunan pengadil baru.

Peranan pengadil memang tidak dapat disangkal, kerana tanpa pengadil sudah tentu undang-undang perlawanan tidak dapat dipraktik sepenuhnya, seterusnya boleh mengakibatkan teretusnya pergaduhan dan kacau-bilau dalam sesuatu perlawanan.

Pengadil perlu mahir dalam undang-undang permainan dan membuat keputusan berdasarkan undang-undang sesuatu permainan.

Oleh itu, peredaran zaman memerlukan lagi aspek pembangunan pengadil baru agar mereka dapat mempertingkatkan prestasi kepengadilan mereka.

Malangnya, masih ada di antara mereka yang terus menyepikan diri atau meninggalkan dunia kepengadilan lebih awal.

Nizam mengajak kita untuk melihat antara faktor yang memberikan limitasi kepada pembangunan pengadil baru ini;

Keghairahan untuk memiliki sijil yang tinggi dalam masa yang singkat

Pengadil muda terlalu ghairah ingin cepat naik tanpa sedar mereka perlu melalui proses tertentu.

Jika ditanyakan kepada pengadil berpengalaman, sudah pasti mereka akan mempersetujuinya.

Kebanyakan aspek dalam kursus kepengadilan hanya berkenaan pengetahuan tentang undang-undang (deklaratif dan prosedural) dan tata cara kepengadilan, tetapi tidak menyentuh secara jelas aspek kecergasan, komunikasi, personaliti, kawalan, penilaian kontekstual dan kemahiran psikologi.

Sepanjang pengalaman beliau, aspek-aspek ini dipelajari daripada masa ke masa secara tidak formal dan memerlukan peluang untuk diaplikasikan.

Tidak ada jalan pintas untuk menjadi pengadil antarabangsa.

Kes-kes di Malaysia sendiri telah menunjukkan jika pengadil itu cepat naik (tanpa mengikut kitaran tertentu) maka prestasinya tidak akan kekal lama.

Pengalaman mengendalikan perlawanan yang sukar

Ini amat penting bagi mengajar pengadil menjadi lebih dewasa dengan mengalami sesuatu situasi yang tidak pernah tergambar di fikiran atau tertulis di dalam mana-mana buku.

Jika diamati, pengadil yang berpengalaman antarabangsa mempunyai kaedah tersendiri dan seakan-akan mudah mengendalikan perlawanan.

Sebagai contoh, seorang pengadil yang berusia 52 tahun ada kalanya tidak berada pada tahap kecergasan yang baik, tetapi pengalaman membolehkan beliau untuk mengawal perlawanan dengan baik walaupun berada pada posisi yang jauh daripada kedudukan sebenar.

Menurunkan pemikiran dari pengadil sebagai hobi kepada

pengadil sebagai satu komitmen.

Kepengadilan adalah suatu yang serius dan profesional bila kita telah dilantik mengadili sesuatu perlawanan.

Ini bukannya suatu hobi yang dilakukan oleh sesetengah pengadil semata-mata untuk memperoleh wang sampingan.

Apabila keputusan pelantikan pengadil diumumkan, pengadil terpilih perlu bersedia dari segi fizikal, mental dan pengetahuan.

Menurut Nizam, luangkan masa untuk melakukan persediaan sebelum perlawanan bermula adalah sangat penting.

Banyak langkah yang boleh dilakukan termasuk mengimbas buku peraturan pertandingan, menonton video perlawanan mahupun datang lebih awal ke gelanggang sebelum perlawanan bermula.

Pengadil sebagai kerjaya perniagaan

Kita mesti mengandaikan kepengadilan ini seperti satu perniagaan. Kalau mahu untung kita perlulah memberikan produk/perkhidmatan yang terbaik.

Walaupun kita tidak menerima bayaran yang lebih tinggi jika berjaya mengadili sesuatu perlawanan dengan baik, namun apa yang telah kita curahkan merupakan pelaburan yang memungkinkan satu hari nanti bila tempoh matang tiba, kita akan lihat betapa untungnya pelaburan yang telah dibuat sebelum ini.

Menurut Nizam, jika kita naik Gred Persijilan berlandaskan elemen 'kerapatan dengan pegawai pertauliah' atau mungkin menerusi 'kejayaan melobi', ini samalah seperti kita menjual produk yang tidak berkualiti di mana akhirnya akan cepat rosak, dicemuh pengguna serta mungkin akan ada 'physical abuse' (deraan fizikal).

Katanya, pengadil baru perlu melengkapkan diri dengan semua elemen yang menyumbang kepada prestasi pengadil.

Kebolehan untuk membuat pengorbanan

Pengorbanan amatlah penting sebagai seorang pengadil. Itulah sebabnya kita lihat 'trend' (aliran) pengadil yang berjaya pada tahun terdahulu ialah kebanyakan mereka

berkerjaya sebagai guru, askar atau polis.

Mereka sanggup mengadili mana-mana kejohanan yang mana mereka terpaksa mengambil cuti dan berjauhan dengan keluarga.

Nizam pernah bertanya kepada seorang pengadil profesional New Zealand semasa mengadili World Sevens Series di Dubai mengenai kehidupan sebagai seorang pengadil profesional? Jawapan yang diperoleh ialah; dia amat 'kesunyian' kerana hampir keseluruhan kehidupannya berada di luar negara, dan kapal terbang itu seakan rumah keduanya.

"Beliau menyukainya tetapi terfikir suatu hari nanti akan berhenti juga kerana niat untuk berkahwin pun susah," ujar Nizam.

Ada kalanya peluang diberikan kepada pengadil untuk ke kejohanan luar negara/negeri tetapi disebabkan masalah kewangan penganjur maka pengadil sering melepaskan peluang keemasan tersebut.

Pengadil perlu mengambil inisiatif untuk mengeluarkan kewangan sendiri untuk ke kejohanan tersebut bagi membolehkan mereka membuka peluang mereka untuk menimba lebih banyak pengalaman.

Namun begitu, timbul juga masalah di mana kadangkala peluang tersebut (mengadili perlawanan luar negeri/negara) tidak disampaikan kepada pengadil lain yang layak walaupun mereka sanggup berkorban wang ringgit sendiri.

Kebolehan/kesediaan mendengar nasihat nasihat dari instruktur pengadil

Menurut Nizam, limitasi terakhir yang turut dikategorikan sangat penting iaitu kebolehan dan kesediaan mendengar nasihat orang lain khususnya instruktur pengadil.

Berdasarkan pengalaman, beliau amat beruntung kerana memiliki 'referee coach' yang baik.

"Itulah yang membezakan antara 'coach' dengan 'assessor'. Saya banyak kali diperhatikan, dinasihati dan dibimbing pada setiap perlawanan.

"Merendahkan diri dan mendengar nasihat, seterusnya memperbaiki segala kesilapan merupakan sikap atau disiplin pengadil yang penting ada dalam diri setiap pengadil," tegas beliau.



KENANGAN Mohd Nizam semasa menghadiri Kejohanan Bawah 19 Tahun Asia di Hong Kong.



MOHD Nizam bersama Piala Dunia yang menjadi idaman setiap pengadil untuk mengadili perlawanan kejohanan tersebut.

Bagi beliau, beliau merasa sangat beruntung kerana mempunyai pengadil senior yang mana mahu memberi nasihat dan berkongsi pengalaman dari segi teori, praktikal mahupun pengalaman.

"Di peringkat antarabangsa, saya juga tidak melepaskan peluang untuk bersama 'assessor' dan pengadil antarabangsa lain.

"Saya pernah dibimbing oleh jurulatih pengadil New Zealand selama seminggu di Kejohanan Bawah 19 Tahun Asia di Hong Kong.

"Banyak pengalaman dan pengetahuan diperoleh. Masalah kita di sini, ada segelintir pengadil yang telah merasakan dirinya hebat, ada yang tidak segan-silau membohongi pemain bahawa mereka ini pengadil antarabangsa

dan paling sedih, ada yang tidak menghargai pengadil lain yang lebih pengalaman," jelas Nizam.

Katanya, ada juga kes pengadil yang berpengalaman lebih 10 tahun sebagai pengadil tetapi tidak dapat diketengahkan ke peringkat antarabangsa kerana masalah sikap dan bersikap 'masuk telinga kiri, keluar telinga kanan'.

- Artikel disumbangkan bersama oleh Mohd Nizam Nazarudin, Mohd Razali Abdullah, Pathmanathan K. Suppiah, Stephanie Chok dan Hasnol Noordin.



KESEDIAAN berbincang dan mendengar nasihat antara kunci penting menjadi seorang pengadil yang baik.



BERADA pada kedudukan yang betul membolehkan pengadil membuat keputusan yang tepat.